

15 NOV 1997

Mohamed-BN

DEWAN TERTINGGI BN AKAN ADAKAN MESYUARAT KHAS SELASA INI

JOHOR BAHARU, 15 Nov (Bernama) -- Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) akan mengadakan mesyuarat khas Selasa ini untuk membincangkan usaha anggota Kongres Amerika membuat usul meminta Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri.

"Kita fikir kenyataan yang dibuat oleh 34 anggota Kongres itu yang mahu Perdana Menteri meminta maaf dan menyarankan agar meletakkan jawatan adalah satu perkara yang tidak wajar, menyentuh kedaulatan kita serta campur tangan dalam urusan politik Malaysia," kata Setiausaha Agung BN Datuk Seri Mohamed Rahmat di sini hari ini.

Beliau berkata BN berasa perlu mesyuarat itu diadakan untuk mendapatkan pendirian parti terhadap isu berkenaan serta sokongan parti kepada pimpinan negara.

Mesyuarat itu akan berlangsung pada pukul 10 pagi di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di Kuala Lumpur.

Mohamed, yang juga Menteri Penerangan, berkata selain daripada itu keputusan juga telah dibuat agar satu usul khas dikemukakan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada persidangan Parlimen Rabu ini untuk memberi keyakinan penuh dan tidak berbelah bagi kepada Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri.

"Kita juga fikir bahawa anggota parlimen Malaysia perlu menyatakan pendirian mereka. Kalau anggota kongres Amerika boleh bermesyuarat dan membincangkan hal yang tidak wajar mengenai Malaysia maka anggota parlimen sini juga harus menyatakan pendirian mereka mengenai Perdana Menteri dan juga tindakan yang dianggap perlu bagi menangani isu itu," katanya.

Mohamed berkata adalah tidak wajar bagi Perdana Menteri untuk meminta maaf kerana Dr Mahathir tidak membuat salah kepada Amerika dan rakyatnya.

Mengenai kenyataan anggota Kongres Amerika supaya Perdana Menteri meletak jawatan, beliau berkata: "Ini bukan urusan mereka. Ini adalah urusan rakyat Malaysia sendiri."

"Kita yang menerima dan menentukan kedudukan pemimpin kita. Campur tangan ini amat dikesali dan tidak wajar bagi 34 orang anggota Kongres itu cuba hendak mengganggu perjalanan politik di Malaysia ini," kata beliau.

Katanya, terdapat juga ketetapan yang dibuat oleh mereka agar diwujudkan keadilan di Malaysia dan ia seolah-olah menunjukkan kerajaan Malaysia tidak adil kepada orang bukan Melayu.

"Ini saya anggap satu hasutan yang paling jahat oleh anggota kongres yang sengaja hendak menimbulkan ketegangan kaum di Malaysia. Hasutan ini tidak boleh kita terima sebab daripada segi konsep BN motonya ialah keadilan untuk semua dan ini telah kita laksanakan dengan baik sehingga tidak ada ketegangan kaum," katanya.

Apa yang hendak mereka lakukan ialah untuk menimbulkan keraguan dan kebimbangan di samping menghasut rakyat Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum supaya berkelahi, kata beliau.

"Sebagai Setiausaha Agung BN saya hendak mengingatkan anggota Kongres bahawa jangan sampai tindak-tanduk mereka menyebabkan rakyat Malaysia benci kepada Amerika dan pemimpin Amerika. Kita tidak ada niat sama sekali untuk membenci Amerika kerana kita akui Amerika sebuah negara besar dan kita nak berbaik-baik agar membawa faedah kepada kedua-dua negara dan bangsa," katanya.

Mohamed berkata selama ini pun hubungan Malaysia-Amerika adalah baik dan berharap ia berterusan kerana terdapat banyak kepentingan yang

menguntungkan kedua-dua buah negara.

Beliau percaya mesyuarat khas Dewan Tertinggi BN Selasa ini akan memberi kepercayaan penuh kepada Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri dan Pengerusi Dewan Tertinggi BN. -- BERNAMA

MKO AKD